



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000



"KEDAH SEJAHTERA"

BEND20081105-KB2482

05 November 2008

PEKELILING BENDAHARI BIL 8/2008

Semua Penolong Naib Canselor/Ketua Jabatan/Pengarah
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan

KELULUSAN PEROLEHAN OLEH KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan berkuatkuasa dari tarikh pekeliling ini, semua Ketua Pusat Tanggungjawab dibenarkan untuk meluluskan perolehan yang selama ini perlu dirujuk kepada Naib Canselor untuk kelulusan.

Ini termasuklah perolehan-perolehan seperti berikut:-

- Penyewaan mesin fotostat termasuk penyambungan kontrak penyewaan dan penukaran model mesin yang baru.
- Pembelian aset untuk kegunaan pejabat yang tidak tersenarai di dalam perancangan pembelian pada awal tahun.
- Kerja-kerja ubahsuai ruang pejabat kerana keperluan mendesak.
- Pemasangan karpet, alat pendingin hawa dan mesin faksimili mengikut kesesuaian dan keperluan.

Walau bagaimanapun semua PTJ hendaklah memastikan ianya mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membuat perolehan berkenaan serta mengamalkan ciri-ciri perbelanjaan yang berhemah.

Bagi perolehan yang bersifat teknikal seperti pembelian komputer dan ubahsuai ruang pejabat ianya hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Pusat Komputer dan Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan untuk mendapat khidmat nasihat.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah


 (H.J. AMRON MAN)
 Bendahari
 b.p Naib Canselor
 Universiti Utara Malaysia

- s.k. : Yang Berbahagia Tan Sri Naib Canselor
 : Yang Berusaha Semua Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 : Edaran



ISO 9001 STATUS MSC ISO 9001